



Ruj. Kami : SUK.D200 (01)15/1/1 Jld.3 (98)  
Tarikh : 12 Syawal 1442H  
24 Mei 2021

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Urusetia Kerajaan Negeri

Semua Ketua Unit / Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Pengurus Agensi Negeri (Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kelantan)

**ARAHAN PENTADBIRAN**  
**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**  
**BILANGAN 7 TAHUN 2021**

**PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN DI NEGERI KELANTAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh YB Menteri Kanan Pertahanan mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dan berdasarkan kes semasa pandemik COVID-19 yang semakin meningkat di Negeri Kelantan, pihak pentadbiran Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya pengoperasian perkhidmatan Kerajaan Negeri dilaksanakan secara hibrid melalui keberadaan di pejabat dan Bekerja Dari Rumah (BDR) menggunakan pendekatan berikut:-


- (a) Waktu pengoperasian perkhidmatan Kerajaan Negeri di pejabat adalah **mulai 8:00 pagi hingga 3:00 petang (Ahad hingga Rabu) dan 8:00 pagi hingga 2:00 petang (Khamis)**. Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 9 Tahun 2020 Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Di Agensi Kerajaan Negeri Kelantan adalah tidak terpakai sepanjang arahan pentadbiran ini berkuat kuasa. **Pegawai yang diarahkan bekerja di pejabat perlu terus pulang ke rumah selepas waktu pengoperasian kerana baki jam bekerja dianggap sebagai arahan Bekerja Dari Rumah (BDR);**
- b) Kehadiran ke pejabat pada tahap **20% keseluruhan dan 80% secara BDR dengan penggiliran kecuali kakitangan di sektor perkhidmatan perlu dan perkhidmatan di barisan hadapan;**

- c) Perkhidmatan kaunter di seluruh Pejabat Tanah dan Jajahan **beroperasi mulai jam 9:00 pagi hingga 12:00 tengahari pada setiap hari (Ahad hingga Khamis)**;
- d) Kehadiran ke pejabat hanya bagi proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR dan memerlukan keberadaan di pejabat.
3. Ketua Jabatan hendaklah melaksanakan arahan ini dengan merancang kehadiran penjawat awam yang diperlukan di pejabat dan BDR.
4. Pelaksanaan BDR adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 5 Tahun 2020 dan Pekeliling Perkhidmatan (Negeri) Bilangan 3 Tahun 2021 Dasar Bekerja Dari Rumah yang jelas memperincikan aspek-aspek yang perlu dipatuhi termasuk tidak boleh melaksanakan urusan peribadi dalam waktu bekerja. Sebarang pelanggaran salah laku dalam pematuhan kepada BDR, akan dikenakan tindakan tatatertib di bawah P.U.(A) 395- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
5. Arahan ini dipersetujui **berkuat kuasa mulai 25 Mei 2021 sehingga tarikh diberitahu**.
6. Sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri akan terus berjalan seperti biasa untuk memastikan perkhidmatan kepada rakyat dapat diberi dengan cepat dan tepat. Pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara dari semasa ke semasa perlu dipatuhi bagi memastikan keluk jangkitan COVID-19 dapat dilandaikan.

Sekian, terima kasih.

**\* RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT \***  
**\* PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19 \***

Dengan hormatnya,

  
DATO' KAYA SETIA

~~DATO' NAZRAN BIN MUHAMMAD, P.J.N,S.P.S.K.(Kelantan)~~

Setiausaha Kerajaan Kelantan